

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @
YUSRE BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA]**

SOALAN

YB DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk membantu industri pelancongan dan melindungi pekerjaan di dalam sektor tersebut yang terjejas akibat wabak COVID-19 dan apakah ada insentif yang komprehensif untuk membantu firma perhotelan bersaiz kecil dan sederhana.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penularan wabak COVID-19 telah memberi impak negatif yang sangat besar bukan sahaja kepada industri pelancongan tempatan, malah turut memberi kesan kepada industri pelancongan global.
2. Justeru, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah merangka Pelan Pemulihan Pelancongan dan Kebudayaan dalam usaha membantu industri pelancongan dan kebudayaan untuk bangkit semula. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kejayaan Malaysia dalam membendung penularan pandemik COVID-19 telah membolehkan sektor pelancongan domestik beroperasi semula bermula 10 Jun 2020 yang lalu. Ini sekaligus memberi nafas lega kepada rakyat di negara ini, terutamanya penggiat industri pelancongan untuk merencanakan semula aktiviti pelancongan yang terjejas teruk ketika tempoh pelaksanaan PKP dan PKPB yang lalu.
3. Pada masa yang sama, Kerajaan telah menyediakan insentif dan bantuan menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), PRIHATIN PKS TAMBAHAN dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang boleh dimanfaatkan oleh pemain industri pelancongan dan perhotelan di seluruh negara. Bantuan yang diumumkan ini telah mengambil kira permohonan oleh penggiat industri pelancongan seperti *Malaysian Association Of Hotels (MAH)*, *Malaysian Association of Hotel Owners (MAHO)*, *Malaysia Budget Hotel Association (MyBHA)*, *Malaysian Association of Tour and Travel Agents (MATTA)*, *Malaysian Inbound Tourism Association (MITA)* dan sebagainya. Ia bukan sahaja bertujuan untuk meneruskan kelangsungan aktiviti sedia ada malah boleh turut digunakan untuk menambahbaik produk-produk industri pelancongan.
4. Antara insentif yang diperkenalkan adalah:
 - i. Skim Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF) sebanyak RM1 bilion bagi PKS sektor pelancongan. PTF merupakan inisiatif Kerajaan untuk membantu membiayai inisiatif

NO. SOALAN : 445

transformasi oleh Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam industri pelancongan bagi membolehkan mereka kekal berdaya maju dan berdaya saing dalam menempuh kelaziman baharu semasa tempoh PKPP dan pasca PKPP;

- ii. Pengecualian cukai pelancongan sepenuhnya bagi tempoh mulai 1 Julai 2020 hingga 30 Jun 2021;
- iii. Pelanjutan pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penginapan mulai 1 September 2020 hingga 30 Jun 2021;
- iv. Inisiatif bantuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) seperti kempen Mikro dan PKS E-Dagang, Skim Pembiayaan PKS PENJANA, Program Pembiayaan Mikro PENJANA dan Geran Padanan Pendigitalan PKS;
- v. Potongan cukai untuk perbelanjaan berkaitan COVID-19 seperti pembelian PPE/ pengimbas suhu dan kos ujian saringan;
- vi. Penawaran penangguhan atau moratorium bayaran pinjaman selama 6 bulan; dan
- vii. Pemberian diskaun sehingga 50% ke atas bil elektrik.

5. Selain daripada insentif tersebut, MOTAC sendiri juga telah melaksanakan inisiatif-inisiatif khusus bagi membantu *stakeholders* dalam industri yang terlibat. Antaranya ialah:

- i. menawarkan kursus *Domestic Tourism Vibes* secara dalam talian yang merangkumi sembilan (9) topik yang terpilih dengan kerjasama Persatuan Institut-Institut Latihan Pelancongan Malaysia (ATTIM) dan *Malaysian Tourist Guide Council* (MTGC) kepada pemandu pelancong berlesen yang akan tamat tempoh pada tahun ini;

NO. SOALAN : 445

- ii. pengecualian bayaran fi lesen bagi pengusaha-pengusaha pelancongan dan pemandu pelancong yang layak bermula 17 Mac hingga 31 Disember 2020;
- iii. pemberian diskaun pembayaran kompaun sebanyak 40% kepada semua pengusaha pelancongan dan pemandu pelancong berlesen yang dikenakan kompaun oleh Kementerian sebelum 31 Disember 2020;
- iv. pelanjutan tempoh bayaran kompaun sehingga 31 Disember 2020 bagi semua kompaun yang dikeluarkan kepada syarikat atau pemandu pelancong berlesen;
- v. pengecualian kompaun kepada pengusaha pelancong dan pemandu pelancong yang gagal memperbaharui lesen dalam tempoh yang ditetapkan disebabkan oleh PKP dengan syarat permohonan lengkap perlu dikemukakan dalam tempoh 60 hari selepas tamat tempoh PKP;
- vi. melancarkan Kempen "*Meet In Malaysia*" pada 24 Julai 2020 melalui *Malaysia Convention & Exhibition Bureau* (MyCEB) bagi menggalakkan penganjuran MICE (*Meetings, Incentives, Conventions & Exhibitions*) secara hibrid iaitu secara fizikal dan dalam talian serentak. Kempen yang berlangsung sehingga 31 Disember 2021 ini merupakan satu bentuk insentif untuk membantu dan menyokong penggiat industri MICE dalam menganjurkan acara perniagaan di Malaysia;
- vii. menyediakan platform e-Kraf Bazaar yang membolehkan usahawan kraf menjalankan aktiviti promosi dan jualan produk secara *online*. Ini amat membantu khususnya di peringkat awal PKP dilaksanakan; dan
- viii. pelancaran aplikasi *Craft On The Go* pada 1 April 2020 bagi menyediakan perkhidmatan secara digital dalam bentuk *mobile apps* kepada masyarakat bagi meningkatkan

kebolehcapaian maklumat mengenai usahawan kraf di seluruh Malaysia.

6. Bagi membantu pekerja-pekerja yang telah menganggur disebabkan impak pandemik ini termasuklah dalam industri pelancongan dan kebudayaan, Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia telah memperkenalkan tiga (3) program iaitu:

- i. Program Pengekalan Pekerjaan atau *Employment Retention Program* (ERP) yang merupakan bantuan segera sebanyak RM600 sebulan bagi setiap pekerja yang diminta bercuti tanpa gaji akibat penularan pandemik ini;
- ii. Program Subsidi Upah yang bertujuan untuk membantu majikan yang terkesan untuk meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan dan punca pendapatan. Bantuan kewangan dibayar kepada majikan setiap perusahaan bagi setiap pekerja tempatan yang bergaji RM4,000 dan ke bawah berdasarkan saiz perusahaan; dan
- iii. Program Insentif Pengambilan Pekerja (*Hiring Incentive*) dan Program Latihan di bawah PENJANA. Program Insentif Pengambilan Pekerja bertujuan merangsang permintaan pekerjaan dalam kalangan majikan dan meningkatkan peluang pekerjaan dalam kalangan pencari kerja tempatan yang terkesan. Program Latihan menyediakan latihan semula atau *reskilling and upskilling* adalah berdasarkan keperluan majikan dan pekerja.

7. Majikan dan pencari kerja adalah diminta untuk berdaftar dengan Portal Pekerjaan Negara (PPN) iaitu *MyFutureJobs* agar proses berhubung dengan insentif ini dapat disalurkan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.